

# Amalan Khatan Anak Perempuan Dalam Masyarakat Melayu

Anisah bt. Ab. Ghani

## Abstract

*This article is a survey on the practice of female circumcision among the Malays. It shows the attitude and understanding of Malays society towards female circumcision and the technique used by their practitioners in such a practice.*

## Pendahuluan

Di Malaysia mengkhatan anak perempuan biasanya dilakukan oleh bidan-bidan tradisional yang arif dan memahami kadar yang sepatutnya dipotong. Belum ada kes pembedahan secara intensif dilaporkan.

Upacara mengkhatan anak perempuan pula dilakukan secara senyap-senyap, antara bidan dan ibubapa sahaja. Berlainan dengan upacara mengkhatan anak lelaki, di mana kebanyakan ibubapa mengadakan kenduri bersempena dengannya.

Bahan-bahan yang digunakan semasa mengkhatan anak perempuan berlainan di antara satu bidan dengan yang lain. Sesetengah bidan memerlukan kain putih dua elai, limau nipis, dua biji bedak sejuk, gunting kecil dan wang beberapa ringgit. Cara

khatan yang dilakukan juga tidak sama antara satu bidan dengan yang lain. Ada yang memandikan kanak-kanak dengan air limau terlebih dahulu, kemudian diselimutkan dengan kain putih supaya tidak sejuk, juga untuk menghormati maruah kanak-kanak supaya dia tidak bertelanjang semasa dikhatarkan. Selepas itu bidan akan meminta izin dari kanak-kanak tersebut walaupun ia masih kecil dan tidak memahami apa yang berlaku. Kalimah *syahadah* dan *bismillah* dilafazkan sebelum puncak kelentit dipotong. Bedak sejuk atau ubat disapukan agar luka cepat sembuh.<sup>1</sup>

Bidan yang lain pula menggunakan bahan-bahan seperti benang mentah, pisau nipis, wang syiling berlubang, tepung tawar dan wang pengeras.<sup>2</sup>

Ada juga bidan yang tidak mensyaratkan apa-apa, cuma menggunakan pisau nipis atau gunting dan ubat luka. Bacaan *bismillah* dan selawat ke atas nabi s.‘a.w. dibaca sebelum memotong sedikit hujung kelentit. Selepas itu disapu ubat luka.<sup>3</sup>

Kadar bayaran upah tidak ditentukan oleh bidan, sebaliknya mengikut keredaan ibubapa atau penjaga kanak-kanak yang dikhatarkan. Ia dianggap sebagai sedekah atau saguhati. Sedekah atau saguhati ini biasanya berupa wang.

Semua bidan yang ditemubual berpengalaman dalam masalah khatan. Dari penjelasan yang diberikan cara mereka mengkhatan anak perempuan bertepatan dengan cara yang diajarkan oleh Rasulullah s.‘a.w. Cuma yang ditambah ialah bahan-bahan yang digunakan seperti kain putih, limau nipis, benang mentah, tepung tawar, wang syiling untuk dijadikan pengeras dan lainnya. Bahan ini tidak disebut oleh Rasulullah s.‘a.w. Oleh sebab itu ada bidan yang tidak menggunakan bahan tersebut kerana menganggapnya bercanggah dengan ajaran Rasulullah s.‘a.w.

## PEMAHAMAN DAN AMALAN

Bagi melihat sejauhmanakah pemahaman dan amalan masyarakat Melayu tentang khatan anak perempuan, juga untuk menilai perlaksanaannya dalam masyarakat, sebanyak 100 kertas soal selidik telah diedarkan kepada responden di kawasan Ampang/Ulu Klang. Soal selidik didasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- (1) Hukum khatan anak perempuan
- (2) Hikmat khatan
- (3) Mengkhatan anak perempuan atau tidak
- (4) Siapakah yang mengkhatakan anak perempuan
- (5) Umur kanak-kanak yang dikhatarkan
- (6) Sebab-sebab melaksanakan khatan.

Seramai 93 responden telah memberikan kerjasama. Mereka semua terdiri dari perempuan. Kaum perempuan dipilih kerana mereka lebih rapat dengan masalah kajian. Tahap pendidikan responden dapat dilihat dalam Jadual 1 di sebelah:

**JADUAL 1: PENDIDIKAN RESPONDEN**

Jenis Pendidikan	Bil. Responeden	Peratus
Sekolah Rendah	7	7%
Sekolah Menengah	46	49%
Maktab	8	8.6%
Universiti	32	34%
Jumlah	93	100%

Jadual 1 menunjukkan 92.4% dari keseluruhan responden berpendidikan menengah dan tinggi. Ini memudahkan penulis membuat beberapa kesimpulan dalam kajian ini. Jenis pekerjaan responden di tunjuk dalam Jadual 2 di bawah:

**JADUAL 2: PEKERJAAN RESPONDEN**

Jenis Pekerjaan	Bil. Responden	Peratus
Suri Rumah	25	7%
Pegawai Kerajaan	52	55.9%
Swasta	15	16%
Kerja Sendiri	1	1%
Jumlah	93	100%

Jadual ini menjelaskan lebih separuh iaitu 72% responden menjawat jawatan sebagai pegawai kerajaan atau swasta. Ini menunjukkan kebanyakan responden luas pergaularan dan banyak pengetahuan.

Purata umur responden ialah antara 20-40 tahun kecuali seorang bawah 20 tahun.

**HUKUM**

Mengenai hukum khatan anak perempuan, lebih separuh iaitu 58% responden mengatakan ianya sunat, 1/4 iaitu 23.6% responden berpendapat hukumnya wajib. Ini bermakna mereka yang berpendapat ianya hukum sunat lebih tinggi peratusannya daripada mereka yang berpendapat hukumnya wajib. Kenyataan ini ditunjukkan dalam jadual 4 di sebelah:

**JADUAL 4: PERATUSAN PENDAPAT RESPONDEN MENGENAI HUKUM KHATAN ANAK PEREMPUAN**

Hukum	Bil. Responden	Peratus
Sunat	54	58%
Wajib	22	23%
Harus	7	7.5%
Kemuliaan Bagi Wanita	2	2.1%
Tiada Apa-apa	2	2.1%
Tidak Tahu Hukum	3	3.2%
Tidak Memberi Jawapan	3	3.2%
<b>Jumlah</b>	<b>93</b>	<b>100%</b>

Kajian juga telah menghasilkan satu dapatan yang amat menarik. Mazhab Syafi'i yang dipegang oleh orang Islam di Malaysia berpendapat khatan bagi wanita adalah wajib. Tetapi kajian menunjukkan 58% responden mengatakan sunat. Apabila diteliti, ternyata lebih 3/4 responden, iaitu 92.4% yang berpendidikan universiti, maktab dan sekolah menengah berpendapat hukum berkhatan bagi wanita adalah sunat. Sikap ini membuktikan keluasan pembacaan mereka. Sekaligus ia menunjukkan mereka tidak terikat dengan satu mazhab sahaja. Ini merupakan satu perkembangan baru di kalangan wanita Islam di Malaysia. Responden yang berpendidikan rendah tidak mempunyai pembacaan yang luas. Oleh itu lebih separuh, iaitu 71% tidak mengetahui hukumnya.

Jadual 5 - 8 di bawah menunjukkan peratusan pendapat responden mengenai hukum khatan anak perempuan mengikut tahap pendidikan.

**JADUAL 5: PERATUSAN PENDAPAT RESPONDEN YANG BERPENDIDIKAN UNIVERSITI MENGENAI HUKUM KHATAN ANAK PEREMPUAN**

Hukum	Bil. Responden	Peratus
Sunat	18	56%
Wajib	2	6%
Harus	4	12%
Kemuliaan Bagi Wanita	2	6%
Tiada Apa-apa	2	6%
Tidak Tahu Hukum	4	12%
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>100%</b>

**JADUAL 6: PERATUSAN PENDAPAT RESPONDEN YANG BER-PENDIDIKAN MAKTAB MENGENAI HUKUM KHATAN ANAK PE-REMPUAN**

Hukum	Bil. Responden	Peratus
Sunat	6	75%
Wajib	1	12%
Harus	1	12%
Jumlah	8	100%

**JADUAL 7: PERATUSAN PENDAPAT RESPONDEN YANG BER-PENDIDIKAN SEKOLAH MENENGAH MENGENAI HUKUM KHATAN ANAK PEREMPUAN**

Hukum	Bil. Responden	Peratus
Sunat	25	54%
Wajib	18	39%
Harus	1	2%
Tidak Tahu Hukum	2	4%
Jumlah	46	100%

**JADUAL 8: PERATUSAN PENDAPAT RESPONDEN YANG BER-PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH MENGENAI HUKUM KHATAN ANAK PEREMPUAN**

Hukum	Bil. Responden	Peratus
Sunat	1	14%
Wajib	1	14%
Tidak Tahu Hukum	5	71%
Jumlah	7	100%

## HIKMAT

Sebanyak 3/4 iaitu 92% responden bersetuju ada hikmat khatan anak perempuan. Ini menunjukkan responden merasakan amalan ini memang berfaedah bukan sia-sia. Namun begitu ada segelintir responden yang merasakan tidak ada apa-apa hikmat dari amalan ini, bahkan ada yang berpendapat ia boleh mengurangkan nafsu wanita apabila dewasa. Jadual 9 berikut dapat menjelaskan kenyataan ini.

**JADUAL 9: PERATUSAN RESPONDEN YANG BERSETUJU ATAU TIDAK BERSETUJU ADA HIKMAT KHATAN**

Hikmat	Bil. Responden	Peratus
Bersetuju Ada Hikmat	86	92%
Tidak Bersetuju Ada Hikmat	7	7.5%
Jumlah	93	100%

Manakala hikmat mengkhatan anak perempuan sebagai kemuliaan kepada wanita lebih tinggi peratusannya iaitu 50.5% daripada hikmat-hikmat lain. Ini berkemungkinan responden telah membaca atau pernah mendengar hadis yang berbunyi: "Khatan adalah sunnah untuk lelaki suatu kemuliaan untuk wanita". Jadual 10 menunjukkan perbezaan pendapat mengenai hikmat tersebut.

**JADUAL 10: PERATUSAN PERBEZAAN PENDAPAT RESPONDEN MENGENAI HIKMAT KHATAN**

Hikmat	Bil. Responden	Peratus
Menjaga Kebersihan	42	45%
Sebagai Kemuliaan Kepada Wanita	47	50.5%
Mengurangkan Nafsu Wanita	21	22.5%
Lain-lain	2	2%
Jumlah	112	100%

**NOTA:**

- (1) Jumlah bilangan responden ini melebihi 93 orang kerana kebanyakannya responden memberi jawapan lebih dari satu hikmat.
- (2) Peratusan yang dikira adalah berdasarkan kepada 93 responden.

**MENGKHATAN ATAU TIDAK MENGKHATAN**

Satu lagi dapatan yang cukup menarik ialah ada di kalangan masyarakat Melayu yang tidak mengkhatakan anak perempuan mereka. Sejumlah 5 orang atau 5.3% tidak mengamalkannya. Data juga menunjukkan mereka ini terdiri dari responden yang berkelulusan universiti. Ini menunjukkan kefahaman mereka mengenai hukum amalan ini terus dipraktikkan, kerana golongan inilah yang berpendapat khatan bagi wanita sunat sahaja. Malah 6 responden mengatakan ia tidak ada apa-apa, cuma harus sahaja. Kalau jadual 5 dilihat bersekali dengan jadual 11 dan 13 ternyata 5 dari 6 responden yang berpendapat amalan ini tidak ada apa-apa, cuma harus sahaja, itulah responden yang tidak mengkhatakan anak perempuan mereka. Mereka yang berpendapat amalan ini sunat tetap melaksanakannya. Jadual berikut menjelaskan kenyataan ini:

**JADUAL 11: PERATUSAN RESPONDEN YANG MENGKHATAN ANAK PEREMPUAN DAN YANG TIDAK MENGKHATANKANNYA**

Khatan	Bil. Responden	Peratus
Mengkhatan Anak Perempuan	88	94.6%
Tidak Mengkhatakan Anak Perempuan	5	5.3%
Jumlah	93	100%

Responden yang mengkhatakan anak perempuan keseluruhannya daripada yang berpendidikan maktab, sekolah menengah dan rendah. 5 responden di kalangan yang berpendidikan universiti iaitu 15% tidak mengkhatakan anak perempuan. Kenyataan ini dapat dilihat dalam jadual 12 dan 13 berikut:

**JADUAL 12: BILANGAN DAN PERATUSAN RESPONDEN YANG MENGKHATAN ANAK PEREMPUAN MENGIKUT TAHAP PENDIDIKAN**

Jenis Pendidikan	Bil. Responden	Peratus
Universiti	27	84%
Maktab	8	100%
Sekolah Menengah	46	100%
Sekolah Rendah	7	100%
Jumlah	88	

**JADUAL 13: PERATUSAN RESPONDEN YANG TIDAK MENGKHATAN ANAK PEREMPUAN MENGIKUT TAHAP PENDIDIKAN**

Jenis Pendidikan	Bil. Responden	Peratus
Universiti	5/32	15.6%
Maktab	0/8	-
Sekolah Menengah	0/46	-
Sekolah Rendah	0/7	-
Jumlah		

88.6% responden menyatakan mereka menghatarkan anak perempuan kerana mengikut ajaran Islam. 5 responden yang tidak menghatan pula memberi sebab yang berlainan, 2 responden bimbang khatan akan mengurangkan nafsu. 2 pendapat hukumnya tidak wajib dan tidak sunat. Seorang pula beralasan amalan ini mengikut adat Melayu sahaja. Jadual 14 dan 15 di bawah menunjukkan kenyataan tersebut.

**JADUAL 14: PERATUSAN SEBAB-SEBAB MENGKHATAN DI KALANGAN RESPONDEN YANG MENGKHATAN ANAK PEREMPUAN**

Sebab Menghatarkan	Bil. Responden	Peratus
Mengikut Ajaran Islam	78	88.6%
Mengikut Adat Melayu	2	2.2%
Ramai Berbuat Demikian	2	2.2%
Tidak Memberi Jawapan	6	6.8%
Jumlah	88	100%

**JADUAL 15: PERATUSAN SEBAB-SEBAB MENGKHATAN DI KALANGAN RESPONDEN YANG TIDAK MENGKHATAN ANAK PEREMPUAN**

Sebab mengkhatakan	Bil. Responden	Peratus
Mengurangkan Nafsu Seks	2	40%
Hukumnya Tidak Wajib	2	40%
Dan Tidak Sunat		
Mengikut Adat Melayu	1	20%
Jumlah	5	100%

**UMUR KANAK-KANAK PEREMPUAN DIKHATANKAN**

Hampir separuh dari keseluruhan responden mengkhatakan anak perempuan di antara umur satu bulan hingga 6 bulan kerana pada masa ini anak-anak belum begitu aktif dan belum ada perasaan malu. Ini ditunjukkan dalam jadual 16 di bawah:

**JADUAL 16: UMUR KANAK-KANAK PEREMPUAN YANG DIKHATANKAN**

Umur Kanak-kanak Dikhatakan	Bil. Responden	Peratus
1 hari - 1 bulan	24	25.8%
12 bulan - 6 bulan	23	24.7%
7 bulan - 1 tahun	4	9.6%
1 tahun - 3 tahun	20	21.1%
14 tahun - ke atas	2	2.1%
Tidak Memberi Jawapan	15	16.0%
Jumlah	93	100%

73% responden mengkhatakan anak perempuan dengan bidan kampung. Ini bermakna bidan kampung dipercayai oleh masyarakat dan lebih awal mengetahui cara mengkhatahan serta lebih peka mengenai masalah ini dari doktor. Jadual di bawah menunjukkan peratusan ini.

**JADUAL 17: MUDIM YANG MENGKHATANKAN ANAK PEREMPUAN**

Orang Mengkhatakan	Bil. Responden	Peratus
Bidan Kampung	68	73%
Doktor	4	4.3%
Bidan Kerajaan	6	6.4%
Tidak Memberi Jawapan	15	16%
<b>Jumlah</b>	<b>93</b>	<b>100%</b>

**NOTA KAKI**

1. Temubual dengan bidan Hajah Saunah bt. Ab. Kadir pada 4 Jun 1990.
2. Temubual dengan bidan Cik Jamilah b. Mat pada 16 jun 1990.
3. Temubual dengan bidan Halimah bt. Ab. Rauf pada 10 Mei 1990.